

# Perancis sokong sikap Asean

KUALA LUMPUR, Selasa — Perancis menyokong pendirian ASEAN mengenai isu Kampuchea dan sedia berbuat segala yang terdaya olehnya dalam usaha mencari penyelesaian politik terhadap krisis tersebut.

Perdana Menteri Perancis, Encik Pierre Mauroy menegaskan, negaranya mengutuk penceroobahan tentera asing ke atas mana-mana negara di dunia khususnya di Kampuchea dan Afghanistan.

Dalam hubungan ini, beliau menggesa semua pihak yang berkenaan melaksanakan ketetapan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pengunduran semua tentera asing dari Kampuchea dan hak rakyat negara itu mendirikan Kerajaan pilihan mereka sendiri.

Dalam sidang akhbar sebelum berlepas pulang hari ini, Encik Mauroy menjelaskan, soal negaranya tidak mengiktiraf rejim Pol Pot tidak timbul "kerana Perancis tidak mengiktiraf Kerajaan tetapi hanya mengiktiraf negara".

"Harapan kami ialah supaya Kampuchea mempunyai sebuah Kerajaan yang dipilih oleh rakyatnya sendiri", ujarnya.

Beliau juga menegaskan, negaranya menyokong usaha ASEAN ke arah satu kawasan aman, bebas dan berkecuali.

"Perancis menyetujui sepenuhnya pendapat ASEAN tentang pentingnya diwujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di rantau ini sejajar dengan konsep Zopfan", tambahnya.

Mengenai lawatan tiga harinya, Encik Mauroy yakin ia akan membuka jalan ke arah penerokaan lebih banyak lagi bidang kerjasama dua-hala antara negaranya dan Malaysia.

Antaranya ialah bidang ekonomi dan perdagangan termasuk projek pembinaan rumah, projek petro kimia, industri kertas, peralatan keretaapi, ketenteraan dan pengangkutan udara.